

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 4, August 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Mengkaji Tahap Pengetahuan dan Penerimaan Sistem Perlindungan Sosial dalam kalangan Pesawah di Kawasan Pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Mohamad Noor Firdaus Bin Sahul Hameed[1], Nobaya Binti Ahmad[1], Amna Binti Mohd Noor[1]
[1]Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Mohamad Noor Firdaus Bin Sahul Hameed (mnfirdaus_upm@yahoo.com)

Abstrak

Pada masa ini, sistem perlindungan sosial merupakan suatu keperluan kepada mereka yang terlibat dalam semua sektor pekerjaan seperti pencen kepada pekerja Kerajaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pekerja sektor swasta. Asas utama sistem ini adalah untuk memberikan perlindungan bagi mengatasi masalah kemiskinan, bantuan kewangan dan jaminan masa hadapan. Namun, tiada sistem perlindungan sosial berstruktur diperkenalkan kepada pekerja bagi sektor tidak formal di Malaysia seperti pesawah dan lain-lain. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pengetahuan dan penerimaan sistem perlindungan sosial dalam kalangan pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Kajian ini melibatkan seramai 573 responden meliputi 4 wilayah dalam kawasan MADA. Sebagai rumusan, kajian ini mengkaji tahap pengetahuan dan penerimaan pesawah terhadap sistem perlindungan sosial dalam komuniti mereka.

Kata kunci: perlindungan sosial, sektor tidak formal, pesawah

To Examine The Level of Knowledge and Acceptance About Social Protection System Among Paddy Farmers in Agricultural Areas of Muda Agricultural Development Authority (MADA)

Abstract

At present, social protection system is a requirement for those involved in all sectors of employment such as pensions to Government employees and Employees Provident Fund (EPF) to private sector workers. The primary basis of the system is to provide protection to address poverty, financial assistance and future guarantees. However, no structured social protection system was introduced to the informal sectors workers in Malaysia such as farmers and others. The purpose of this study is to examine the level of knowledge and acceptance of social protection systems among farmers in the Muda Agricultural Development Authority (MADA). This study involved 573 respondents covering 4 regions within the MADA area. In conclusion, this study will examine the level of knowledge and acceptance of farmers on social protection systems in their communities.

Keywords: social protection, informal sector workers, paddy farmers

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 4, (page 83 - 92), 2018

Pengenalan

Sistem perlindungan sosial merupakan suatu sistem yang memberikan perlindungan kepada mereka yang bekerja untuk mengatasi masalah kemiskinan ketika di usia tua atau persaraan. Sistem perlindungan telah diperkenalkan di Malaysia sejak zaman pemerintahan British namun hanya melindungi pekerja di sektor formal sahaja. Pada asasnya tujuan sistem perlindungan sosial yang dilaksanakan di seluruh dunia adalah untuk mengatasi masalah kemiskinan ketika di usia tua (MacKellar, 2009). Sistem perlindungan sosial di Malaysia meliputi sistem pencen bagi pekerja sektor Kerajaan dan KWSP bagi pekerja di sektor swasta.

Sistem perlindungan sosial yang terbaik seharusnya dapat membantu menyediakan kemudahan yang mencukupi kepada penerimanya bagi membendung masalah kemiskinan di usia tua. Sistem yang disediakan juga perlu diselaraskan mengikut kemampuan dan kesesuaian penerima manfaat. Di Malaysia, sistem perlindungan sosial yang berstruktur diperkenalkan dan digunakan sehingga hari ini hanya melibatkan kepada pekerja sektor formal sahaja. Namun, tiada sebarang sistem perlindungan berstruktur diperkenalkan kepada pekerja bagi sektor tidak formal. Sektor tidak formal di Malaysia juga merupakan penyumbang kepada kestabilan ekonomi negara yang perlu diberikan perhatian dan perlindungan yang sewajarnya (ADB, 2012). Secara umumnya, terdapat juga skim-skim perlindungan sosial yang ditawarkan oleh pihak swasta di Malaysia seperti Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (SSP1M) di bawah KWSP dan Skim Persaraan Swasta (PRS) menetapkan jumlah caruman minimum iaitu sebanyak RM50 hingga RM100 sebulan. Penetapan nilai caruman tertentu akan membebankan pekerja sektor tidak formal untuk mencarum kerana pendapatan bulanan mereka tidak menentu (Mohd, 2013).

Sistem Perlindungan Sosial Kepada Pesawah di MADA

Perlindungan sosial merupakan suatu keperluan kepada semua individu yang bekerja dalam sektor formal dan tidak formal. Pekerja-pekerja sektor formal telah disediakan perlindungan yang sewajarnya. Namun, pekerja-pekerja di sektor tidak formal pula tidak mempunyai suatu perlindungan sosial yang khusus bagi melindungi mereka sekiranya berlaku kemalangan dan sebagainya. Menurut Mohd, 2013, pekerja-pekerja di sektor tidak formal juga bimbang mengenai perlindungan sosial terutama apabila berada di usia tua.

Bagi pekerja-pekerja sektor tidak formal, mereka mempunyai pilihan untuk membuat caruman sendiri dengan menggunaan kemudahan sistem perlindungan sosial yang disediakan oleh pihak swasta. Namun, kemudahan yang disediakan oleh pihak swasta menetapkan jumlah caruman minimum tertentu (Zaharah Jamaluddin & Yuen Wah, 2013). Perlindungan sosial yang menetapkan jumlah caruman dengan nilai yang tertentu mungkin tidak akan membebankan pekerja-pekerja sektor formal tetapi bagi pekerja-pekerja sektor tidak formal penetapan jumlah caruman yang tinggi akan membebankan mereka kerana kedudukan kewangan bulanan mereka tidak stabil. Masalah utama pekerja sektor tidak formal adalah keupayaan untuk mereka menyediakan peruntukan kewangan dalam jumlah tertentu bagi supaya di lindungi melalui sistem perlindungan sosial (Abd Samad & Mansor, 2013).

Sehubungan itu, terdapat keperluan supaya satu sistem perlindungan sosial yang khusus disediakan kepada mereka melalui penyelarasan jumlah caruman yang lebih fleksibel (van Ginneken, 1999). Usaha KWSP untuk menyediakan SSP1M mulai 3 Januari 2010 merupakan satu inisiatif yang sangat baik. Walau bagaimanapun, skim tersebut tidak dapat menarik minat pekerja sektor tidak formal berikutan skim tersebut menetapkan jumlah caruman minimum iaitu sebanyak RM50 sebulan (Abd Samad & Mansor, 2013). Sektor tidak formal merupakan sektor di luar sektor formal yang boleh dikategorikan sebagai pekerja yang bekerja dengan sendiri, memiliki perniagaan keluarga secara kecil-kecilan dan pekerja di sektor pertanian (Hu & Stewart, 2009).

Kajian ini memberikan fokus kepada petani yang menjalankan aktiviti penanaman padi di kawasan pertanian MADA. Petani merupakan antara golongan yang dipinggirkan daripada sebarang perlindungan sosial kerana aktiviti pertanian dikategorikan sebagai aktiviti tidak formal. Mereka hanya

bergantung kepada sumber hasil jualan padi atau sewaan kawasan padi dan tidak mempunyai pendapatan tetap. Pertanian merupakan antara pekerjaan sektor tidak formal yang terbesar di Malaysia. Pembangunan sistem perlindungan sosial khusus untuk petani dapat membantu mereka mengurangkan bebanan kewangan ketika di usia tua. Selain petani, golongan nelayan, penternak haiwan, petani sayur-sayuran dan mereka yang melaksanakan pekerjaan sendiri seperti peniaga pasar dan kedai juga dikategorikan sebagai pekerja sektor tidak formal dan tidak mendapat sebarang perlindungan sosial. Golongan ini merupakan golongan yang akan menghadapi masalah kemiskinan apabila tiba di usia persaraan atau usia tua (Zin, Lee, & Rahman, 2001).

Menurut MacKellar, 2009, negara-negara rantau Asia seperti China, India, Thailand, Sri Lanka, Vietnam, Filipina, Indonesia, Korea Selatan dan lain-lain telah memperkenalkan sistem perlindungan sosial kepada pekerja sektor tidak formal dengan menawarkan skim-skim yang khusus seperti Skim Pencen Luar Bandar, Skim Pencen Petani dan Skim Pencen Nelayan. Skim-skim tersebut tidak menetapkan jumlah caruman yang khusus dan peserta boleh mencarum mengikut kemampuan secara bulanan (Mohd, 2013). Berdasarkan kepada Angelini & Hirose, 2004 dan Tuesta, 2014, terdapat empat faktor mengapa sistem perlindungan sosial tidak dapat disediakan kepada pekerja sektor tidak formal iaitu kerana (i) pendapatan yang rendah dan tidak stabil menjejaskan caruman, (ii) mempunyai keperluan berbeza-baza, (iii) kurang kesedaran mengenai kepentingan perlindungan sosial dan (iv) pengurusan komuniti yang kurang efektif.


Masalah utama dalam sektor pertanian di Malaysia adalah kekurangan tenaga kerja muda atau golongan belia (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Golongan belia lebih gemar untuk melaksanakan aktiviti atau pekerja lain yang menyediakan kemudahan lebih selesa. Keadaan ini mungkin berpunca daripada sektor tidak formal tidak menyediakan sistem perlindungan sosial yang mampu menarik minat mereka menyertai bidang tersebut. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan sistem perlindungan sosial yang berstruktur supaya dapat memberikan perlindungan dan jaminan kewangan di masa hadapan kepada pesawah di MADA.

Teori Kajian

Kajian ini mengguna pakai satu teori dan satu model bagi meneliti tahap pengetahuan dan penerimaan sistem perlindungan sosial dalam kalangan pesawah. Teori yang diadaptasi dalam kajian ini adalah Teori Membuat Keputusan (*Decision Making Theory*) dan Model Pengurusan Sumber Keluarga (*Family Resource Management Model*).

Teori Membuat Keputusan (Decision Making Theory)

Teori membuat keputusan merupakan suatu teori yang digunakan oleh individu atau komuniti bagi membantu mereka membuat sesuatu keputusan berhubung perkara-perkara tertentu (Hansson, 1994). Selain itu, Oliveira, (2007), menerangkan bahawa keputusan dan tingkah laku merupakan sumber utama dalam teori membuat keputusan. Proses membuat keputusan melibatkan pemikiran manusia dan pengalaman yang pernah dialami oleh sesorang dalam menentukan keputusan yang terbaik. Teori ini meliputi subjek dan kaedah yang pelbagai boleh digunakan untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Menurut Turpin & Marais, (2004), terdapat dua fasa utama dalam peringkat membuat keputusan iaitu fasa pertama ialah mengenali dan mengkaji sesuatu masalah dan fasa kedua ialah memberi fokus kepada mengurangkan alternatif atau pilihan yang ada dan seterusnya membuat keputusan. Berikut adalah rajah mengenai peringkat dalam membuat keputusan:



Rajah 1.1: Peringkat Membuat Keputusan

Rajah 1.1 menunjukkan peringkat membuat keputusan. Rajah tersebut menjelaskan bahawa sebelum membuat sesuatu keputusan, seseorang perlu mengenalpasti dan membuat kajian terperinci mengenai masalah yang dihadapi secara keseluruhannya. Seterusnya bagi menja yakan proses ini, mereka perlu mengumpul data dan maklumat yang berkaitan untuk membantu mereka membuat keputusan di peringkat seterusnya. Selain daripada data-data yang tersedia, pembuat keputusan juga perlu mengambil kira keputusan dan pengalaman-pengalaman lepas berkaitan masalah yang sama. Kajian ini mengadaptasi Model Rasional dalam membuat keputusan melalui proses seperti berikut (Turpin & Marais, 2004):

i. Mengenalpasti persekitaran dan keputusan yang harus dibuat;
ii. Membuat analisa terhadap masalah;
iii. Mencari beberapa kaedah penyelesaian;
iv. Meneliti beberapa tindakan yang perlu diambil sebelum membuat keputusan; dan
v. Menjadikan keputusan terdahulu sebagai panduan dalam membuat keputusan baharu.


Melalui Model Rasional, pembuat keputusan akan menganalisa sesuatu perkara dari semua aspek sebelum membuat keputusan. Terdapat banyak kemungkinan yang terlibat dalam senario membuat keputusan sebelum sesuatu keputusan tersebut dibuat. Keputusan akhir adalah berdasarkan kepada kemungkinan yang terbaik dan boleh dilaksanakan (Oliveira, 2007).

Model Pengurusan Sumber Keluarga (Family Resource Management Model)

Kajian ini menggunakan Model Pengurusan Sumber Keluarga yang diperkenalkan oleh Deacon dan Firebaugh (1988). Menurut Fitzsimmons, Hira, Bauer, & Hafstrom, (1993), Model Pengurusan Sumber Keluarga digunakan bagi merancang dan menggunakan sumber-sumber sedia ada dalam keluarga untuk mencapai kehendak ahli-ahli dalam keluarga. Model Pengurusan Sumber Keluarga kajian ini menggunakan dua sumber utama iaitu input dan output. Input bagi model ini melibatkan permintaan dan sumber-sumber yang dimiliki oleh sesebuah individu atau keluarga (Schuchardt et al., 2007). Input model ini menggandungi dua item iaitu sumber material dan sumber manusia. Contoh sumber manusia ialah seperti daya pemikiran, kesihatan dan masa (Mugenda, Hira, & Fanslow, 1990) manakala contoh sumber material pula ialah seperti kewangan individu, kewangan isi rumah dan kekuatan fizikal (Fitzsimmons et al., 1993).

Selain itu, model ini juga menggandungi output dimana terdapat perhubungan diantara permintaan dengan sumber serta kepuasan untuk mencapai sesuatu matlamat yang ditetapkan. Fitzsimmons et al., (1993) dan Mugenda et al., (990), mengadaptasikan konsep kepuasan sebagai output dan mereka mencadangkan dengan perancangan dan penggunaan sumber secara berhemah, individu atau keluarga mampu untuk mencapai kesejahteraan ekonomi.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 4, (page 83 - 92), 2018



Rajah 1.2: Model Pengurusan Sumber Keluarga
(diadaptasi daripada Deacon dan Firebaugh, 1988)

Metod Kajian

Kajian ini dijalankan kepada pesawah yang terlibat dalam kawasan pertanian MADA yang meliputi negeri Kedah dan Perlis. Kajian ini melibatkan 4 wilayah dalam kawasan MADA iaitu Wilayah I (Perlis), Wilayah II (Jitra), Wilayah III (Pendang) dan Wilayah IV (Kota Sarang Semut). Seramai 573 responden terlibat dalam kajian ini dan kesemua mereka merupakan pesawah sama ada mempunyai sawah sendiri atau mengambil upah mengerjakan sawah orang lain. Kajian ini dilaksana dengan menggunakan kaedah kuantitatif di mana semua responden diberikan borang soal selidik untuk diisi.

Kajian ini menggunakan teknik persampelan mudah (persampelan bukan rawak) bagi mendapatkan maklumat kajian. Penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada pesawah secara rawak di PPK dan menemubual mereka bagi mendapatkan maklumat serta pandangan pesawah mengenai tahap pemahaman dan penerimaan sistem perlindungan sosial dalam kalangan komuniti pesawah. Pesawah yang hadir di PPK ketika pengedaran soal selidik merupakan responden bagi kajian ini. Responden yang terlibat dalam kajian ini berumur diantara 25 tahun hingga 80 tahun.

Kajian ini menggunakan jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970) bagi menentukan saiz sampel di empat wilayah MADA. Bagi menentukan jumlah responden setiap wilayah kajian, penyelidikan mengambil 10% daripada jumlah pesawah dalam setiap wilayah sebagai responden kajian. Pemilihan 10% daripada jumlah pesawah secara keseluruhannya adalah seramai 573 responden manakala jumlah responden yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dengan jumlah pesawah seramai 57,635 adalah sebanyak 400 responden.

Jadual 1.1: Pecahan Responden Kajian Mengikut Zon Pertanian di MADA

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 4, (page 83 - 92), 2018

Bil.	Zon/Lokasi	Jumlah Pesawah	Jumlah Responden
1	Wilayah I (Perlis)	10,180	101
2	Wilayah II (Jitra)	19,487	194
3	Wilayah III (Pendang)	13,767	137
4	Wilayah IV (Kota Sarang Semut)	14,201	141
	Jumlah	**57,635**	**573**

Penemuan Kajian

Tahap Pengetahuan Pesawah Mengenai Sistem Perlindungan Sosial

Kajian ini mengukur tahap pengetahuan pesawah mengenai sistem perlindungan sosial. Tahap pengetahuan pesawah memberikan gambaran sebenar mengenai kefahaman mereka sebelum pesawah memutuskan sama ada mereka akan mencarum dalam sistem perlindungan sosial atau sebaliknya. Tahap pengetahuan pesawah dinilai dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisa menggunakan kaedah *actual score*. Hasil analisa adalah seperti berikut:

Jadual 1.2: Tahap Pengetahuan Pesawah Mengenai Sistem Perlindungan Sosial

Bil.	Tahap	Jumlah	Peratus
1	Tahap Rendah	229	40.0
2	Tahap Sederhana	132	23.0
3	Tahap Tinggi	212	37.0
	Keseluruhan	**573**	**100.0**

Berdasarkan hasil analisis seperti di jadual 1.2, penyelidik dapat mengesahkan bahawa tahap pengetahuan pesawah mengenai sistem perlindungan sosial berada di tahap yang rendah.

Penyelidik dapat merumuskan bahawa kebanyakkan pesawah masih tidak mendapat maklumat yang jelas mengenai sistem perlindungan sosial. Dalam masa yang sama, pesawah juga tidak diberikan penerangan yang sewajarnya mengenai kebaikkan sistem perlindungan sosial dalam kehidupan mereka. Kebanyakkan pesawah menyatakan bahawa mereka tidak mendapat penerangan mengenai sistem perlindungan sosial daripada pihak MADA.

Penyelidik juga dapat merumuskan bahawa tahap pengetahuan yang rendah di kalangan pesawah boleh dikaitkan dengan tahap pendidikan mereka yang sederhana iaitu kebanyakkan pesawah hanya menerima pendidikan di tahap PMR / SRP sahaja. Tahap pendidikan yang sederhana ini membataskan mereka untuk membuat sebarang keputusan sama ada untuk mencarum dalam sistem tersebut atau sebaliknya. Selain itu, tahap pengetahuan yang rendah juga melibatkan faktor usia pesawah. Purata usia pesawah iaitu 52 tahun membataskan mereka untuk menerima suatu perkara baharu dalam kehidupan mereka. Pesawah lebih selesa untuk menjalani kehidupan mereka dengan kemudahan yang sedia ada.

Penerimaan Sistem Perlindungan Sosial Dalam Kalangan Pesawah

Kajian ini mengkaji lima faktor yang mempengaruhi penerimaan pesawah terhadap sistem perlindungan sosial dan lima faktor tersebut adalah tahap pendidikan, umur, status perkahwinan, pengetahuan mengenai kewangan dan kemampuan kewangan. Penerimaan sistem perlindungan sosial dalam kalangan pesawah dinilai dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisa menggunakan kaedah analisa faktor. Selain itu, kajian ini juga menjalankan analisa korelasi bagi melihat perhubungan diantara faktor terlibat dengan penerimaan sistem perlindungan sosial. Hasil analisa faktor mendapati bahawa terdapat tiga faktor yang dominan daripada lima faktor seperti berikut:

Jadual 1.3: Tiga Faktor Dominan Mengenai Penerimaan Perlindungan Sosial

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 4, (page 83 - 92), 2018

Bil.	Faktor Sedia Ada	Faktor Baharu
1.	Pengetahuan mengenai kewangan	Kewangan
2.	Kemampuan kewangan	
3.	Tahap pendidikan	Ilmu Pengetahuan Mengenai Perlindungan Sosial
4.	Umur	
5.	Status Perkahwinan	Status Perkahwinan

Berdasarkan analisis di jadual 1.3, penyelidik dapat merumuskan bahawa faktor kewangan, ilmu pengetahuan dan status perkahwinan merupakan faktor yang dominan mempengaruhi pesawah dalam menentukan penerimaan mereka terhadap sistem perlindungan sosial. Menurut Kim, Kwon, & Anderson, (2005), seseorang yang mempunyai kemampuan kewangan yang stabil akan memberikan perhatian yang lebih terhadap keperluan sistem perlindungan sosial. Kemampuan kewangan membantu pesawah untuk membuat simpanan dan seterusnya mencarum dalam sistem perlindungan sosial.

Selain itu, faktor ilmu pengetahuan mengenai sistem perlindungan sosial juga merupakan faktor penting dalam menentukan penerimaan pesawah terhadap sistem perlindungan sosial. Individu yang mempunyai ilmu pengetahuan akan lebih mudah untuk memahami mengenai keperluan dan implikasi kewangan ketika di usia persaraan (Yoong, See, & Baronovich, 2012). Menurut Terano, Mohamed, Shamsudin, & Abd. Latif, (2013), kebanyakkan pesawah tidak dapat melaksanakan kerja-kerja lain selain sawah kerana mereka mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Pesawah yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi berupaya untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan lain selain bersawah bagi menampung kehidupan mereka.

Faktor status perkahwinan juga mempengaruhi pesawah untuk membuat caruman dalam sistem perlindungan sosial. Pesawah yang sudah berkahwin lebih memikirkan faktor kewangan keluarga berbanding dengan pesawah yang belum berkahwin. Perkara ini membolehkan mereka untuk membuat simpanan atau caruman bagi melindungi diri dan keluarga ketika kekurangan sumber pendapatan. Keputusan untuk membuat caruman dalam sistem perlindungan sosial bagi individu yang telah berkahwin memberi kesan kepada mereka dan keluarga berbanding individu yang tidak berkahwin (Warren, 2015).

Jadual 1.4: Korelasi diantara Faktor-Faktor Penerimaan Sistem Perlindungan Sosial dengan Keperluan Sistem Perlindungan Sosial

Pemboleh Ubah	Nilai r	Nilai p
Tahap Pendidikan	.534**	.000
Umur	.515**	.000
Status Perkahwinan	.557**	.000
Pengetahuan Mengenai Kewangan	.516**	.000
Kemampuan Kewangan	.521**	.000

**. *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Berdasarkan jadual 1.4, analisa ujian Korelasi Pearson yang telah dijalankan bagi faktor-faktor penerimaan sistem perlindungan sosial dengan keperluan sistem perlindungan sosial menunjukkan perhubungan yang signifikan diantara kelima-lima faktor tersebut dengan keperluan sistem perlindungan sosial dengan semua faktor menunjukkan nilai p = .000, k <.05. Keputusan ini menjelaskan bahawa kelima-lima faktor tersebut memain peranan penting dalam mempengaruhi pesawah berhubung keputusan bagi menentukan keperluan sistem perlindungan sosial dalam komuniti dan kehidupan mereka. Faktor-faktor tersebut juga secara tidak langsung mampu mempengaruhi jumlah caruman yang boleh disumbangkan oleh pesawah dalam sistem tersebut.

Penentuan penerimaan terhadap sistem perlindungan sosial adalah bergantung kepada beberapa perkara seperti tahap pendidikan, umur, status perkahwinan, pengetahuan mengenai kewangan dan kemampuan kewangan. Faktor-faktor penentuan ini menyumbang kepada keputusan iaitu sama ada pesawah menerima atau menolak sistem perlindungan sosial. Faktor-faktor tersebut juga mempengaruhi seseorang untuk memenuhi kehendak bagi mencapai kesejahteraan dalam keluarga dan boleh dikategorikan sebagai sumber keluarga. Faktor-faktor tersebut juga adalah selaras dengan model yang diadaptasikan dalam kajian ini iaitu Model Pengurusan Sumber Keluarga. Model Pengurusan Sumber Keluarga digunakan bagi merancang dan menggunakan sumber-sumber sedia ada dalam keluarga untuk mencapai kehendak ahli-ahli dalam keluarga (Mugenda et al., 1990).

Bagi mencapai kesejahteraan keluarga atau penerimaan terhadap sistem perlindungan sosial, pesawah perlu memiliki dua sumber utama iaitu sumber material dan sumber manusia. Sumber material meliputi pengetahuan mengenai kewangan dan kemampuan kewangan manakala sumber manusia pula meliputi tahap pendidikan dan pengetahuan mengenai kewangan (Schuchardt et al., 2007). Pesawah yang mempunyai ciri-ciri tersebut berupaya untuk membuat keputusan sama ada menerima atau menolak sistem perlindungan sosial. Selain itu, faktor-faktor tersebut juga mempengaruhi untuk mewujudkan permintaan terhadap sistem perlindungan sosial dalam kalangan komuniti pesawah. Matlamat penerimaan sistem perlindungan sosial adalah untuk mewujudkan kesejateraan ekonomi keluarga dan ianya juga selaras dengan matlamat Model Pengurusan Sumber Keluarga.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa tahap pengetahuan pesawah mengenai sistem perlindungan sosial adalah rendah dan masih ramai pesawah yang tidak mendapat maklumat mengenai perlindungan sosial. Pesawah juga tidak diberikan pendedahan dan penjelasan yang mencukupi mengenai kebaikan sistem perlindungan sosial dan bagaimanakah sistem tersebut dapat membantu mereka untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka. Pesawah mempunyai maklumat umum mengenai sistem perlindungan sosial dan rata-rata daripada mereka menganggap sistem perlindungan sosial merupakan suatu sistem insuran semata-mata. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pesawah kurang mengetahui mengenai kewujudan dan fungsi Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia dan Skim Persaraan Swasta. Ini kerana kedua-dua skim tersebut kurang mendapat publisiti media dan tidak dihebahkan oleh mana-mana pihak kepada pesawah.

Dari segi penerimaan sistem perlindungan sosial dalam kalangan pesawah pula bergantung kepada faktor-faktor seperti dalam jadual 1.3. Faktor-faktor tersebut mempengaruhi pesawah dalam membuat keputusan berdasarkan sumber-sumber sedia ada dalam keluarga selaras dengan model yang diadaptasikan dalam kajian ini iaitu Model Pengurusan Sumber Keluarga. Antara faktor-faktor yang terlibat adalah tahap pendidikan, umur, status perkahwinan, pengetahuan mengenai kewangan dan kemampuan kewangan. Ujian korelasi yang dilaksanakan ke atas lima faktor tersebut menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan diantara faktor-faktor tersebut dengan penerimaan sistem perlindungan sosial.

Daripada kelima-lima faktor tersebut, kajian ini mendapati terdapat tiga faktor dominan yang mempengaruhi individu dalam membuat keputusan mengenai caruman dalam sistem perlindungan sosial iaitu kewangan, ilmu pengetahuan mengenai perlindungan sosial dan status perkahwinan. Ketiga-tiga faktor ini juga membantu individu untuk membuat pilihan terbaik berhubung penerimaan terhadap sistem perlindungan sosial. Individu yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah akan menghadapi kesukaran dalam menentukan kebaikan sistem tersebut kerana kurang pendedahan berbanding dengan individu yang mempunyai tahap pendidikan tinggi. Analisa kajian ini jelas menunjukkan tahap pendidikan merupakan suatu unsur penting yang perlu dimiliki oleh pesawah.

Selain itu, status kewangan juga memainkan peranan penting dalam menentukan keperluan sistem perlindungan sosial. Pendedahan individu terhadap perancangan dan pengetahuan kewangan serta kemampuan untuk mencarum akan meningkatkan lagi motivasi mereka untuk mencarum dalam sistem

tersebut. Kemampuan kewangan adalah bergantung kepada sumber pendapatan pesawah dan komitmen bulanan mereka. Perancangan keluarga merupakan suatu sumber yang amat penting. Justeru, kajian ini mendapati bahawa status perkahwinan juga memainkan peranan penting dalam membolehkan pesawah untuk mencarum. Pesawah yang berkeluarga didapati memerlukan sistem ini dilaksanakan berbanding dengan pesawah yang belum berkahwin atau bercerai. Pasang pesawah yang telah berkahwin perlu menjaga keperluan dan perlindungan keluarga mereka dengan sumber pendapatan yang terhad. Oleh itu, sistem perlindungan sosial merupakan suatu sistem yang dapat memberikan kebaikan kepada mereka dan keluarga.

Kajian ini hanya dijalankan di kawasan pertanian MADA dengan melibatkan seramai 573 responden dan tidak dilaksanakan diseluruh negara kerana terdapat kekangan dari segi sumber kewangan dan masa bagi mendapatkan jumlah responden yang lebih ramai. Oleh itu, penyelidik mencadangkan supaya kajian akan datang dapat memperluaskan skop dan kawasan kajian ke seluruh negara dan tidak memberikan fokus kepada pesawah padi sahaja. Kajian yang menyeluruh dapat memberikan gambaran yang meluas mengenai tahap pengetahuan dan penerimaan pesawah seluruh Malaysia. Selain itu, penyelidik juga mencadangkan supaya kajian akan datang untuk melihat teori, model dan faktor-faktor lain yang berkaitan yang boleh digunapakai dalam menentukan keperluan sistem perlindungan sosial.

Rujukan

Abd Samad, S., & Mansor, N. (2013). Population ageing and social protection in malaysia. Malaysian Journal of Economic Studies, 50(2), 139–156.

ADB. (2012). Pension Systems and Old-Age Income Support in East and Southeast Asia Overview and reform directions. https://doi.org/10.4324/9780203155059

Agnew, J. R., Szykman, L. R., Utkus, S. P., & Young, J. A. (2012). Trust, plan knowledge and 401(k) savings behavior. Journal of Pension Economics and Finance, 11(2012), 1–20. https://doi.org/10.1017/S1474747211000230

Angelini, J., & Hirose, K. (2004). Extension of Social Security Coverage for the Informal Economy in Indonesia Surveys in the Urban and Rural Informal Economy.

Fitzsimmons, V. S., Hira, T. K., Bauer, J. W., & Hafstrom, J. L. (1993). Financial management: Development of scales. Journal of Family and Economic Issues, 14(3), 257–274. https://doi.org/10.1007/BF01022180

Hansson, S. O. (1994). Decision theory. Royal Institute of Technology (KTH), (1), 1–94. https://doi.org/10.1016/S0304-0208(08)72431-9

Hu, Y., & Stewart, F. (2009). Pension Coverage and Informal Sector Workers. Pensions, (31). https://doi.org/10.1787/227432837078

Kim, J., Kwon, J., & Anderson, E. A. (2005). Factors Related to Retirement Confidence : Retirement Preparation and Workplace Financial Education. Financial Counseling and Planning, 16(2), 77–89.

MacKellar, L. (2009). Pension Systems for the Informal Sector in Asia. Social Protection Discussion Papers, (903), 1–48. Retrieved from http://www-wds.worldbank.org/external/default/WDSContentServer/WDSP/IB/2009/03/06/000333038_20090306005144/Rendered/PDF/476790NWP0SP0D10Box338858B01PUBLIC1.pdf

Mohd, S. (2013). Old Age Financial Security of the Informal Sector. Journal of WEI Business and Economics, 2(2), 34–41.

Mugenda, O. M., Hira, T. K., & Fanslow, A. M. (1990). Assessing the causal relationship among communication, money management practices, satisfaction with financial status, and satisfaction with quality of life. Lifestyles Family and Economic Issues, 11(4), 343–360. https://doi.org/10.1007/BF00987345

Oliveira, A. (2007). A Discussion of Rational and Psychological Decision-Making Theories and Models : The Search for a Cultural-Ethical Decision-Making Model. Journal of Business Ethics, 12(2), 1478–82. https://doi.org/10.1111/j.1572-0241.1998.00467.x

Schuchardt, J., Bagwell, D. C., Bailey, W. C., Devaney, S. a, Grable, J. E., Leech, I. E., … Xiao, J. J. (2007). Personal Finance : An Interdisciplinary Profession. Financial Counceling and Planning, 18(1), 61–69. Retrieved from

http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle:Personal+Finance+:+An+Interdisciplinary+Profession#0

Strategi, K. (2015). Memacu Pemodenan dalam Agromakanan, 2016–2020.

Terano, R., Mohamed, Z., Shamsudin, M. N., & Abd. Latif, I. (2013). Paddy Farm Management Practices: The Case of Sungai Petani Area in Malaysia. Journal of International Food and Agribusiness Marketing, 25(SUPPL1), 116–127. https://doi.org/10.1080/08974438.2013.803945

Tuesta, D. (2014). The informal economy and the constraints that it imposes on pension contributions in Latin America, (August).

Turpin, S. M., & Marais, M. A. (2004). Decision-making: Theory and practice. ORiON, 20(2), 143. https://doi.org/10.5784/20-2-12

van Ginneken, W. (1999). Social security for the informal sector : A new challenge for the developing countries. International Social Security Review, 52(1), 49–69. https://doi.org/10.1111/1468-246X.00033

Warren, D. A. (2015). Retirement decisions of couples in Australia: The impact of spousal characteristics and preferences. Journal of the Economics of Ageing, 6, 149–162. https://doi.org/10.1016/j.jeoa.2015.08.002

Yoong, F. J., See, B. L., & Baronovich, D.-L. (2012). Financial education: Determinant of retirement planning in Malaysia. Journal of Business Management and Economics, 3(2), 69–78. https://doi.org/10.5539/jms.v2n1p75

Zaharah Jamaluddin, S., & Yuen Wah, F. (2013). Bersara Tetapi Bekerja: Senario Pesara Malaysia Pada Masa Hadapan. Kanun, 25(2), 238–254.

Zin, R. H. M., Lee, H. A., & Rahman, S. A. (2001). Social protection in Malaysia. International Social Science Journal, 53(170), 537–550. https://doi.org/10.1111/1468-2451.00343